

Publication	: Utusan Borneo (Sarawak)
Date	: 29 December 2017
Section	: Horizon
Page	: 7
Headline	: Hua Yang rancang pembangunan dengan NPK RM800 juta di Kajang
PR Value	: 1,358.01

## Hua Yang rancang pembangunan dengan NPK RM800 juta di Kajang

**KUALA LUMPUR:** Pemaju harta tanah, Hua Yang Bhd merancang untuk memperkenalkan projek bercampur dengan nilai pembangunan kasar (NPK) RM800 juta di Kajang, Selangor, terdiri daripada pangsapuri berperkhidmatan, unit runcit dan rumah mampu milik.

Ia adalah susulan pengambilalihannya ke atas pemaju harta tanah lain, Kajang Heights Development Sdn Bhd berserta lapan hektar tanah pegangan bebas pada jumlah bayaran belian RM70 juta.

Pembelian tersebut seiring dengan objektif syarikat untuk memperluaskan kedudukannya di Lembah Klang, menurut syarikat itu dalam kenyataan kelmarin.

Ketua Pegawai Eksekutif Hua Yang, Ho Wen Yan berkata Lembah Klang kini menyumbang 31 peratus kepada perolehan keseluruhan

syarikat setakat suku kedua pada tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2018.

“Menerusi penambahan pembelian tanah di Lembah Klang dengan tumpuan kepada penetapan harga mampu milik, kami akan berada di kedudukan lebih baik untuk memenuhi permintaan pasaran,” katanya.

Pembelian yang dibiayai dana dalaman dan/atau pinjaman bank itu tidak akan memberi sebarang kesan ke atas operasi perniagaan syarikat, menurut Hua Yang.

Sekiranya tiada sebarang kekangan, pembelian itu dijangka diselesaikan menjelang suku pertama tahun kewangan 2019.

Hua Yang setakat ini memiliki simpanan tanah belum dibangunkan keseluruhan 189.8 hektar dengan NPK berpotensi RM4.5 bilion. — Bernama